

Masukkan pemikiran Dr. Mahathir dalam kurikulum pendidikan

UM 23 JUN 2003

KUALA LUMPUR 21 Jun — Badan Perhubungan UMNO Perlis mencadangkan agar pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dimasukkan ke dalam kurikulum pendidikan sekolah dari peringkat sekolah rendah.

Ketua Pergerakan Wanita Bahagian Kangar, Azihani Ali berkata, ia bertujuan supaya pemikiran Dr. Mahathir dapat dihayati oleh pelajar-pelajar.

Menurutnya, pemikiran dan pandangan Dr. Mahathir lebih tinggi, berkesan, sempurna dan mempunyai nilai-nilai positif serta beretika tinggi untuk dihayati oleh pelajar serta rakyat negara ini.

“Kita percaya pemikiran Dr. Mahathir ini dapat melahirkan generasi yang berwawasan cemerlang, berdisiplin, berdaya saing, mempunyai tatasusila tinggi dan bertaraf dunia,” katanya.

Beliau membangkitkan perkara ini ketika membahaskan usul pendidikan dan agama di Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di Pusat Perdagangan Dunia Putra hari ini.

Azihani berkata, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad tak perlu menangguhkan cadangan ini.

Beliau sebaliknya berkata, Musa perlu membincangkan secara mendalam dengan pegawai-pegawai di kementerian berhubung perkara ini, Isnin ini.

Katanya, kebelakangan ini orang Melayu juga dikejutkan dengan pelbagai pendekatan strategi baru pendidikan seperti meritokrasi dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Ujar Azihani, Perlis tidak menentang strategi baru itu kerana ia dapat memberi kesan kepada kepentingan pendidikan orang Melayu.

“Orang Melayu kalau tidak dikejutkan dengan pendekatan ini rasa nak lena tetapi apabila dikejutkan boleh menjadi bangsa yang maju,” katanya.